



INFO

Kepentingan pengurusan kewangan

- ◎ **Capai matlamat** kewangan keluarga, contohnya keperluan persekolahan dan pendidikan anak.
- ◎ **Elak konflik** dalam keluarga, seperti perbalahan antara pasangan, penderaan dan perceraian.
- ◎ **Tingkatan kesedaran** dan tanggungjawab kewangan ahli keluarga.
- ◎ **Pengurusan kewangan** keluarga bijak dan berhemah, mempengaruhi masa depan anak dalam menguruskan kewangan pada masa depan.

Kesilapan biasa dilakukan pengguna dalam mengurus kewangan keluarga:

- ◎ **Tidak mempunyai pengetahuan** asas dalam pengurusan kewangan.
- ◎ **Berbelanja secara berlebihan** dan boros.
- ◎ **Tidak dapat membezakan** antara keperluan dengan kehendak.
- ◎ **Membuat pinjaman** atau hutang bagi perkara yang tidak perlu, misalnya berhutang untuk membeli aksesori kenderaan.
- ◎ **Tidak berdisiplin** membuat simpanan.
- ◎ **Pengurusan hutang tidak cekap** - pinjam berlebihan atau ambil hutang baharu untuk bayar atau tampung hutang lama. Ia ibarat 'gali lubang, tutup lubang dan lama-lama masuk lubang'.
- ◎ **Tidak faham** dengan kesan daripada lewat menjelaskan pinjaman atau hutang.
- ◎ **Tidak mempunyai perancangan** perbelanjaan.
- ◎ **Tidak berdisiplin** dalam berbelanja.
- ◎ **Tidak dapat menyesuaikan gaya hidup** dengan kemampuan atau tidak mengukur baju di badan sendiri.
- ◎ **Mudah terpengaruh** dengan iklan.
- ◎ **Terlalu teruja** dengan jualan murah dan jenama yang terlalu mahal kerana ingin menunjuk-nunjuk.
- ◎ **Pembelian insurans/takaful** dianggap tidak perlu walhal dalam masa kecemasan ia dapat digunakan untuk menampung kewangan keluarga.
- ◎ **Pelaburan yang tidak cekap** dan berkesan.
- ◎ **Tidak membuat perlindungan** insurans.
- ◎ **Tidak merancang tabung** persaraan.

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

Kita biasa mendengar keluhan orang yang pening kepala apabila baru masuk minggu ketiga selepas mendapat gaji poket sudah 'kering'. Sebaik dapat gaji kaya seketika, tetapi selepas bayar hutang asas seperti rumah, kereta, kad kredit dan sebagainya, lain pula jadinya. Ibarat kais pagi makan pagi. Dapat gaji saja habis. Mereka akan menunggu lagi cukup bulan untuk mendapatkan gaji. Begitulah rutin dilalui setiap bulan.

Cerita tidak cukup gaji ini bukan saja melanda orang bujang atau orang berkeluarga serta yang mempunyai anak ramai, malah ada yang berpendapatan tinggi masih juga tidak mencukupi.

Apa silapnya? Dalam keadaan itu, mereka seharusnya melihat semula corak dan pola perbelanjaan masing-masing. Hakikatnya, pengurusan kewangan amat penting untuk merancang perbelanjaan keluar masuk duit.

Elak jadi hamba wang

Mengulas perkara itu, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, (UPM) Dr Mohamad Fazli Sabri, berpendapat orang ramai jangan menjadi hamba wang, sebaliknya mereka perlu bijak mengurus kewangan untuk memastikan perbelanjaan mencukupi terutama yang berkeluarga besar.

Katanya, mereka juga perlu berbelanja secara berhemah dan mempembagai sumber pendapatan.

"Dalam situasi ekonomi sekarang, peningkatan kos sara hidup membebankan dan memberi kesan khusus kepada



Bijak urus wang

» Hemah berbelanja, utamakan barangan asas dan keperluan utama

mereka yang berkeluarga besar.

"Ia ibarat sebiji kek yang dikongsi lima bagi yang ramai anak, berbanding sebiji kek yang boleh dimakan semua oleh orang bujang," katanya mengulas mengenai pengurusan kewangan, baru-baru ini.

Beliau berkata, pengurusan kewangan keluarga ialah bagaimana mereka menetapkan matlamat dan menguruskan sumber untuk mencukupkan perbelanjaan dalam pelbagai aspek.

Dr Mohamad Fazli berkata, perkara sepatutnya diberi perhatian ialah memberi keutamaan kepada keperluan utama dan ketepikan dulu barang yang kurang penting. "Memandangkan individu dan ahli keluarga mempunyai pelbagai kehendak yang sukar dipenuhi, maka keutamaan harus diberikan kepada kehendak paling utama," katanya.

Amalkan berjimat cermat

Perancangan dan pengurusan kewangan yang baik boleh mengekalkan kestabilan kewangan sesebuah isi

rumah dan pada masa sama, mempengaruhi kesejahteraan hidup individu serta keluarga.

Gaya hidup berjimat cermat kerap menjadi topik utama apabila berbicara mengenai pengurusan kewangan keluarga. Kata Dr Mohamad Fazli, dalam konteks ini, berjimat cermat bukannya bermaksud kedekut atau menyimpan semata-mata, tetapi perlu bersederhana mengikut keutamaan.

"Individu mengamalkan jimat cermat semestinya tahu apa yang perlu mereka lakukan untuk



Didik si kecil berjimat sejak kecil.